

BAB II

**MAJLIS FATWA KEBANGSAAN
MALAYSIA**

Allah s.w.t, memperingatkan dengan firmanNya:

Firman Allah swt:

وَلَا تَقُولُوا مَا تَصْنَعُونَ
كُذْبٌ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ
لَمْ يَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ
كُذْبٌ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ
كُذْبٌ لَا يَقْلِبُونَ

Terjemahannya:

“ Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu, “ ini halal dan ini haram ” untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya”

Surah al-Nahl (16) : 116

Ayat di atas menunjukkan bahawa tindakan memberi fatwa yang tidak benar atau tidak menepati hukum syarak adalah haram, berdosa serta penghianatan terhadap ummah. Fatwa itu jug bukan sahaja melibatkan orang yang bertanya bahkan akan tersebar menjadi pegangan umum¹.

¹ Imām Aḥmad bin Ḥamdān al-Ḥarrānī (1397H), *Ṣifāh al-Fatwā Wa al-Muftī Wa al-Mustafī*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, hlm. 6.

2.2 SEJARAH PENUBUHAN

Peristiwa pengislaman Sultan Melaka yang mengambil nama Islamnya, Raja Iskandar Shah telah memberi kesan yang menyeluruh kepada rakyat dan seterusnya kepada perlembagaan Islam di Tanah Melayu sehingga menjadi pusat penyebaran Islam. Pemerintahan kesultanan Melayu telah menerima hukum syarak dalam sistem perundangan. Ini terbukti dengan peruntukan hukum syarak dalam teks undang-undang Melayu lama, seperti Hukum Kanun Melaka dan undang-undang Pahang². Bagi mentadbirkan hukum syarak sudah pastinya memerlukan ulamak yang dapat memberi tafsiran dan huraihan tentang hukum-hukum tersebut. Pada ketika itu, jawatan tinggi dalam soal pentadbiran agama diberikan kepada “kadi”. Ini dapat diperjelaskan dengan adanya catatan dalam sejarah Melayu yang menyatakan pemerintah melantik Kadi Yūsuf dan Kadi Melewar³.

Kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara di Melaka kemudiannya mula tergugat dengan kedatangan para penjajah Eropah. Bermula dengan kedatangan Potugis pada tahun 1511 kemudian disusuli oleh Belanda pada tahun 1641. Walaupun telah memerintah Melaka lebih daripada seratus tahun, penjajah Portugis tidak banyak mengganggu kedudukan undang-undang Islam di kalangan penganutnya. Ini bermakna segala hal yang berkaitan

² J.E. Kemp dan R.O. Winstedt (1948), “A Malay Legal Digest”, JMBRAS, Vol. 21, Part 1, Singapore: s.n., hlm. 1-24.

³ W. G. Shellabear (1896), *Sejarah Melayu*, Singapura: The Malayan Publishing House, hlm. 96.

dengan orang Islam akan diserahkan kepada ketua-ketua kaum mereka⁴. Situasi yang sama juga berlaku ketika penjajahan Belanda. Mereka mengguna pakai dasar yang sedia ada di Jawa untuk dilaksanakan di Melaka, iaitu membiarkan bumiputera mengamalkan adat dan undang-undang mereka sendiri. Sebaliknya undang-undang mereka hanya untuk orang-orang Eropah sahaja⁵.

Bagaimanapun situasi pelaksanaan undang-undang Islam ini berbeza, setelah kedatangan penjajah Inggeris. Mereka telah melakukan campurtangan dalam perlaksanaan undang-undang Islam ini dengan memperkenalkan undang-undang mereka di beberapa buah negeri di Tanah Melayu seperti Pulau Pinang pada tahun 1786, Singapura pada tahun 1819, Melaka pada tahun 1824, Selangor dan Perak pada tahun 1874, Negeri Sembilan pada tahun 1874-1886, Pahang pada tahun 1888, Kelantan pada tahun 1910, Terengganu pada tahun 1919, Kedah pada tahun 1923 dan Perlis pada tahun 1930.⁶

Di Pulau Pinang umpamanya, setelah menduduki pulau itu penjajah Inggeris telah berusaha melaksanakan undang-undang mereka⁷ itu dengan alasan

⁴Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1985M), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 14.

⁵Ahmad Ibrahim (1992M), *Towards A History of Law in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: DBP, hlm 15-18.

⁶A.P. Rubin (1974M), *The International Personality of the Malay Peninsular*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, , hlm. 257.

⁷Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op.cit.*, hlm.21.

ia belum mempunyai apa-apa sistem undang-undang kerana belum pernah ditakluki. Bagi tujuan tersebut mahkamah-mahkamah telah ditubuhkan dan berlakulah perlantikan hakim-hakim⁸.

Melalui Piagam Keadilan pertama pada tahun 1807 dan Piagam Keadilan yang kedua pada tahun 1826⁹ oleh penjajah Inggeris, undang-undang Islam yang dulunya diamalkan sebagai undang-undang tempatan telah disisihkan dan telah hilang sebahagian besar daripada kewibawaannya.

Bagi menegaskan lagi penyisihan undang-undang Islam dari kedudukannya yang asal sebagai undang-undang negara ini, maka pada tahun 1880 satu Ordinan Perkahwinan Islam telah dikuatkuasakan di negeri-negeri tersebut bagi mengatur hal-hal perkahwinan dan perceraian masyarakat Islam. Dengan Ordinan tersebut undang-undang Islam telah secara rasminya dipisahkan dari sistem perundangan biasa dengan membataskan pemakaian dalam hal-hal nikah dan cerai sahaja¹⁰.

⁸ Ahmad Ibrahim (1978M), *The Positive of Islam in the Constitution of Malaysia*, dlm. Tun Mohamed Sufian, *The Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 21.

⁹ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *op.cit.*, hlm. 18.

¹⁰ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997M), *Pengantar Undang-undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 55.

Meskipun Islam hari ini diterima oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai agama persekutuan namun penerimaan tersebut tidak sampai menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara. Sejajar dengan kedudukan agama Islam di bawah kuasa raja-raja bagi negeri-negeri, Perlembagaan Malaysia telah menetapkan bahawa undang-undang Islam adalah urusan negeri-negeri¹¹.

“Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai raja, kedudukan raja adalah sebagai ketua agama Islam dalam negerinya. Secara dan setakat mana yang diakui oleh perlembagaan negeri itu”.

Berasaskan kepada peruntukan berkenaan, maka kerajaan-kerajaan negeri, melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menukuuhkan organisasi pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang berkenaan.

Kuasa negeri-negeri dalam hal-hal agama dan undang-undang Islam ini ada positif dan negatifnya. Positifnya ialah negeri-negeri boleh melayani selera tempatan dalam menguatkuasakan hal-hal berkenaan. Sementara negatifnya pula ialah kuasa seperti itu telah memecahkan kesatuan Malaysia sendiri dalam hal-hal keagamaan dan undang-undang Islam. Dengan wujudnya mufti bagi setiap negeri,

¹¹ Perlembagaan Persekutuan (1988M), Jadual Kesembilaan senarai 2. Kuala Lumpur.

misalnya berbagai-bagai fatwa yang berbeza mungkin dikeluarkan. Begitu juga dengan undang-undang dan peraturaan, mahkamah dan sebagainya¹².

Bagi memastikan tidak berlakunya kepincangan seperti ini, badan-badan penyelaras diperingkat persekutuan telah ditubuhkan, seperti Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam¹³ dan Jawatankuasa Fatwa di bawahnya.

Persidangan Majlis Raja-Raja yang berlangsung pada 1 Julai 1969 telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Majlis ini ialah sebuah badan kebangsaan bagi menyelaraskan kerja, aktiviti dan pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia. Negeri-negeri yang menganggotai Majlis ini ialah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia membuat peruntukan berkaitan tugas Majlis.

Peraturan 7: Tugas-tugas Majlis ialah¹⁴:

¹² Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997M), *op.cit.*, hlm. 111.

¹³ Telah ditubuhkan pada 17 Oktober 1968; Jabatan Perdana Menteri (1969M), *Buku Tahunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.

¹⁴ Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan 7.

1. Membincangkan, menimbangkan dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja , mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;
2. Memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja, Kerajan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Agama Islam dan pelajaran Agama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Dalam persidangan yang bersejarah itu bersetuju untuk melantik seorang pengerusi dan seorang setiausaha untuk mengendalikan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Di atas persetujuan ahli majlis, Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah dilantik sebagai pengerusi dan Dato' Haji Ismail bin Panjang Aris pula sebagai setiausaha¹⁵.

Pada peringkat permulaan Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah terdiri daripada mufti-mufti negeri-negeri yang bergabung dengan bahagian Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia yang disertai oleh lima orang alim ulamak yang dilantik oleh Majlis Raja-raja. Mereka yang telah dilantik itu ialah Tuan Al-Syed Yusof Zawawi Mufti Negeri Terengganu, Nik Mohd Mohyideen

¹⁵ Jabatan Perdana Menteri (1971M), *Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, hlm. 1.

berlakunya perbezaan dan perselisihan dalam pentadbiran Agama Islam disetiap negeri di Malaysia termasuklah fatwa-fatwa yang dikeluarkan.

Dari tinjauan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia kebarangkalian berlakunya perbezaan fatwa adalah tinggi. Ini adalah kerana hampir keseluruhan peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri mengenai fatwa adalah hampir sama.

Antara peruntukan yang dapat pengkaji paparkan di sini, ialah peruntukan yang terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Islam, Kedah, mengikut Seksyen 37(1)¹⁸ menyatakan;

” Bolehlah seseorang dengan surat yang dialamatkan kepada setiausaha meminta Majlis mengeluarkan satu fatwa atau hukum di atas sesuatu masalah hukum syarak. Apabila diterima permintaan yang demikian hendaklah setiausaha sampaikan perkara itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Fatwa dengan serta merta”

Kenyataan Peruntukan yang agak sama juga dapat dilihat melalui Enakmen Pentadbiran Islam Perlis, 1963, Seksyen 7¹⁹ yang menyatakan;

“ Mana-mana orang atau mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah sebarang Undang-undang bertulis bolehlah minta Majlis

¹⁸ Undang-undang Pentadbiran Islam, Kedah, 1962M Seksyen 37(1).

¹⁹ Enakmen Pentadbiran Islam Kedah, 1963M Seksyen 7.

mengeluarkan fatwa di atas sebarang masalah yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak atau adat istiadat melayu”

Begitu juga dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 1982, Seksyen 38(1)²⁰ menyatakan;

“ Sesiapapun boleh dengan bersurat kepada Yang Di Pertua, meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara berkenaan Agama Islam atau nas.

(2) Yang Di Pertua hendaklah merujukkan permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan Pengerusi hendaklah menimbangkan tiap-tiap permintaan seperti itu dan hendaklah menyediakan rangka fatwa itu melainkan pada fikirannya perkara yang dirujuk itu adalah perkara kecil atau oleh lain-lain sebab yang munasabah tidak patut dijawab, ia hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk menimbang dan memberi dan memberi keputusan di atas rangka fatwa yang dibuatnya itu. Jika sesuatu keputusan itu disokong oleh nas, maka Mufti hendaklah dengan serta merta mengeluarkan fatwanya.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri mengisyiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Syari‘ah”

Peruntukan yang kelihatan hampir sama dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri menggambarkan acara bagaimana sesuatu fatwa dikeluarkan dan secara tidak langsung menjelaskan bahawa Mufti dan Majlis tidak terikat dengan fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang lain. Ini seterusnya mendorong berlakunya ketidak seragaman fatwa antara negeri-negeri.

²⁰Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 1982M, Seksyen 38(1).

Dari itu, objektif utama Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ditubuhkan adalah untuk melihat penyatuan yang lebih rapat dalam pentadbiran Ugama Islam Malaysia²¹. Selaras dengan penubuhannya, maka Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia berhak menuhubkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi membantu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia menjalankan tugas-tugasnya, sepetimana dalam perkara 10 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia²².

“Majlis adalah berkuasa melantik jawatankuasa kecil bagi menguruskan apa-apa perkara berkenaan dengan tugasnya dan majlis boleh jika difikirkan perlu untuk melantik orang-orang lain menjadi ahli jawatankuasa bagi jawatankuasa-jawatankuasa keil ini”

Melihat kepada tugas Jawatankuasa Fatwa seperti yang telah diperuntukkan dalam peraturan 14²³, jelas menunjukkan bahawa Jawatankuasa Fatwa yang ditubuhkan mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keseragaman fatwa yang dikeluarkan.

²¹ Buku Tahunan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, *op.cit*, hlm.2.

²² *ibid*, hlm.10.

²³ Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1980M), Peraturan 14, *op.cit*.

2.4 ORGANISASI DAN STRUKTUR JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN

Semasa penubuhan Majlis Kebangsaan tersebut, telah diperuntukkan dalam buku Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa. Peruntukan tersebut terdapat dalam perkara 11(a) menyatakan²⁴:

- (i) Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis diantara ahli-ahlinya;
- (ii) Mufti tiap-tiap Negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama;
- (iii) Lima orang alim ulamak yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja;
- (iv) Seorang ahli beragama Islam dari perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau profesi undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja;

Dalam perkara 11(a) juga memperuntukkan sekiranya sesorang ahli yang terkandung di dalam (i) tiada dapat hadir dalam mensyuarat Jawatankuasa, wakilnya perlu menghadiri mesyuarat tersebut. Wakil itu berhak mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa dan mengundi bagi sesuatu perkara

²⁴ *Ibid.* Peraturan 11(a).

yang hendak diputuskan. Walaubagaimanapun, ahli-ahli dalam (i) dan (iv) tidak berhak mengundi.

Selain Pengerusi dan mufti-mufti yang menganggotai Jawatankuasa Fatwa, jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh beberapa orang yang telah diperakukan oleh Perdana Menteri bagi tempoh yang tidak melebihi daripada tiga tahun dan mereka juga boleh mendapat lantikan semula andai masih diperlukan. Manakala bagi ahli yang mendapat lantikan melalui Majlis Raja-raja hanya boleh menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa bagi tempoh masa yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja, jawatannya sebagai ahli jawatankuasa juga boleh dilepaskan pada bila-bila masa.

Anggota Jawatankuasa Fatwa bagi tempoh masa yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Malaysia pada sesi 2003 ini berdasarkan kepada senarai yang diperolehi melalui Sekretariat Majlis Fatwa Kebangsaan di pengurusikan oleh Dato' Dr. Ismail bin Haji Ibrahim, bekas ketua pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia. Bagi alim ulamak yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja setakat ini hanya ada empat orang sahaja, mereka ialah:

i. Dato' Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman

(Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia).

ii. Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Muhammad Zin

(Kolej Universiti Islam Malyasia)

iii. Prof. Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor

(Universiti Malaya)

iv. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh

(Kolej Islam Darul Redzuan)

Setiausaha bagi Jawatankuasa ini ialah Dato' Haji Mohd Shahir bin Abdullah yang merupakan bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sendiri. Manakala selebihnya adalah Mufti-mufti negeri secara langsung

Keterangan mengenai prosidur pemilihan Jawatankuasa Fatwa di atas berpandukan kepada peruntukan dalam perkara 13 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia seperti berikut²⁵ (Sila Lihat Lampiran A):

“Tiap-tiap ahli melainkan pengurus dan mufti-mufti hendaklah dilantik daripada calon-calon yang diperakui oleh Perdana Menteri, selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi ia adalah layak untuk dilantik semula. Ia hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja tetapi boleh meletak jawatannya”

²⁵ Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, , *Ibid*, Peraturan 13.

2.5 GARIS PANDUAN DALAM PENGELOUARAN FATWA OLEH JAWATANKUASA FATWA

Garis panduan (*procedure*) di dalam pengeluaran fatwa adalah sesuatu makanisma penting yang harus diberi keutamaan. Setiap fatwa yang telah melalui garis panduan yang ditetapkan akan dapat dipastikan ketulenannya dan dalam masa yang sama, fatwa yang telah diputuskan akan dapat diterima oleh masyarakat tanpa ada rasa wasangka dan ragu-ragu.

Setiap kali terdapat aduan mengenai sesuatu kes, kajian akan dilakukan dalam beberapa sudut seperti adat, suasana, kesihatan dan sebagainya²⁶. Setelah mengenal pasti kategorinya, masalah akan dibawa kepada bahagian penyelidikan untuk dianalisa. Hasil analisa yang telah siap dilakukan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk ditimbang dan dihalusi. Bagi setiap ahli akan membuat rujukan masing-masing terlebih dahulu sebelum muzakarah diadakan, dan biasanya notis muzakarah akan dikeluarkan sebulan sebelumnya²⁷.

Pada dasarnya perbincangan kes akan cuba sedaya upaya untuk bersandarkan kepada empat sumber utama iaitu nas-nas *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-*

²⁶ Haji Awang Mat Ali, Pegawai Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Hari Khamis, 7 Mac 2002, jam 10a.m, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

²⁷ *ibid.*

ijma' dan *qiyās*. Sekiranya keempat-empat sumber itu masih gagal untuk dijadikan sandaran hukum, maka ahli fatwa akan berpindah kepada sandaran hukum syarak yang lain iaitu maslahah untuk pengsabitan hukum²⁸.

Setelah ahli muzakarah mengemukakan pandangan masing-masing dan dibincangkan, keputusan akan dibuat secara sebulat suara, akan tetapi andainya tidak mendapat kata sepakat maka pengundian akan dijalankan berdasarkan dua pertiga ahli, seperti peruntukan yang tertera dalam perkara 12 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Lihat Lampiran A).

Hasil dari perbincangan ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan barulah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan akan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja untuk diperkenan, dan akhirnya diumumkan.

2.6 DOMINASI FATWA DALAM ISLAM

Fatwa merupakan sebuah institusi perundangan Islam yang terus melalui arus perkembangannya semenjak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Dengan kewafatan junjungan Besar Muhammad s.a.w., terhentilah wahyu dan sempurnalah Islam. Namun fenomena baru kehidupan manusia yang berterusan mendesak kepada

²⁸ *ibid.*

penyelesaian serta jawapan berdasarkan hukum syarak. Justeru itu, manusia melalui keistimewaan akal yang dikurniakan Allah s.w.t. perlu berfikir serta berijtihad untuk memberi jawapan serta mencari penyelesaian terhadap masalah dan persoalan baru berdasarkan ajaran, semangat dan falsafah Islam yang terkandung dalam *al-Qur'an* serta *al-Sunnah* sehingga lahirlah fatwa. Melalui beberapa period pemerintahan Islam, institusi fatwa terus berkembang dengan pesat sehingga wujud jawatan mufti dan jabatan *iftā'* atau lebih dikenali dengan *Dār al-Iftā'*.

Justeru itu, apabila membicarakan tentang undang-undang Islam, seorang yang berijtihad itu harus melalui disiplin ilmu yang ketat iaitu harus mengikuti sistem pengajian Islam iaitu ilmu *uṣūl fiqh*, ilmu *fiqh*, Ilmu *qawā'id fiqhiyyah* dan ilmu *tārīkh tasyrī* agar sesuatu hukum yang dikeluarkan itu sesuai dengan kehendak dan falsafah perundangan Islam.

2.6.1 PENGERTIAN FATWA

Fatwa ialah perkataan arab yang berasal dari kata kerja *fatā'-yaftū-fatwan*. Fatwa atau *futyā* yang memberi maksud *iftā'*, fatwa yang dikeluarkan oleh seorang yang

arif berhubung hukum-hukum yang berkaitan dengan syariah²⁹. Pengertian ini membawa maksud, menjawab persoalan-persoalan yang menjadi kemasukan seperti seseorang berkata, "Aku meminta fatwa daripadanya, maka ia pun memberi fatwa"³⁰.

Allah s.w.t. berfirman :

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي سَعَى بِقَرْتَ سَمَانٍ يَا كَلْهِنْ سَعَى عَجَافٌ وَسَعَى سَبَلَاتٌ حَضْرٌ
وَأَخْرَى يَابْسَاتٍ يَا يَاهَا الْمَلَأُ أَفْنَوْنِي فِي رَؤْيَايِّ إِنْ كَتَمْ لِلرَّؤْيَا تَعْبِرُونَ

Terjemahannya:

"Dan pada suatu hari Raja Mesir berkata,"Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu yang genuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir) berikanlah aku fatwa(terangkanlah kepadaku) tentang mimpiku ini. Sekiranya kamu orang yang pandai mentakbirkan mimpi"

Surah Yūsuf (12) : 43

Butrusy al-Bustānī menjelaskan bahawa apabila seseorang alim ditanya tentang sesuatu masalah dan sekiranya didapati hukum yang nyata lalu fatwa pun diputuskan, maka orang 'alim itu ialah *mufti*³¹.

²⁹ Luis Ma'lūf al-Yasū'ī (1987M), *al-Munjid fīt al-Lughah wal al-A'lām*, cet. 17, Kaherah: Dār al-Syurūq, hlm. 598.

³⁰ Ibn Manzūr (1956M), *Lisān al-'Arab*, Jld. 15, Beirut: Dār al-Šadr, hlm. 147-148.

³¹ Butrusy al-Bustānī (1870M), *Kitāb Muhiṭ al-Muhiṭ*, Jld. 2, Beirut: Muttaḥidah Li al-Tauzi', hlm. 1574.

Ketika membincangkan maksud perkataan *al-fatwā* hasil dari penjelasan beberapa ulamak, Jamaluddīn al-Qāsimī menyatakan bahawa menurut *al-Rāghib*, *al-futyā* atau *al-fatwā* itu bermaksud menjawab masalah yang menjadi kemasukan dalam hukum³². Pandangan melalui *al-Misbāh* pula ialah, fatwa itu bermaksud mengeluarkan satu fatwa oleh seorang ‘ālim apabila hukumnya jelas³³.

Di samping itu, ada juga ulamak yang mentakrifkan fatwa sebagai “pemberitahuan tentang hukum syarak tetapi tidak mengikat”³⁴.

Tāhā ‘Abdullāh al-Dusūqī, menjelaskan bahawa *fatwā* atau *ifta'* itu bermaksud menerangkan sesuatu hukum yang dikeluarkan atau diistinbaṭkan oleh *Mujtahid Muṭlāq* atau hukum yang diistinbaṭkan oleh *Mujtahid fi Madhhāb*³⁵.

Menurut pengalisa barat seperti Joseph Schacht pula menjelaskan bahawa fatwa ialah, “A mufti is a specialist on law who can give an authoritative opinion on points of doctrine; his considered legal opinion is called fatwa”³⁶. Begitu juga menurut Erwin I.J Rosenthal bahawa “The judge (qadi) together with the mufti who is qualified to issue legal decisions (fatwa)”³⁷.

³² Jamāl al-dīn al-Qāsimī (1975M), *Kitāb al-Fatwā fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Syurūq, hlm.10.

³³ *ibid*, hlm 10.

³⁴ Muḥammad Salām Madkūr (1969M), *al-Madkhāl li al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, hlm.399.

³⁵ Tāhā ‘Abdullāh al-Dusūqī (1966M), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: al-Bayān al-‘Arabī, hlm.366.

³⁶ J.Schacht (1964M), *An Introduction to Islamic Law*, Oxford: Clarendon Press, hlm.73.

³⁷ E.I.J Rosenthal (1965M), *Islam in The Modern National State*, Cambridge: University Press, hlm.24-25.

Fatwa juga hendaklah dikeluarkan berdasarkan hujah dan dalil syarak iaitu dengan menggunakan kekuatan *istinbat*. Andainya sesuatu fatwa dikeluarkan menurut hawa nafsu atau akal fikiran semata-mata atau bertentangan dengan dalil syarak, maka ia bukanlah fatwa dalam pengertian yang sebenar³⁸.

Jelasnya perkataan *fatwā* adalah berasal daripada bahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi fatwa. Ia membawa maksud, keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas *al-Qur'an*, *al-Hadīth* dan sumber-sumber hukum yang lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berwenang tentang keputusan hukum syarak)³⁹.

Berdasarkan perbincangan yang lalu, maka jelaslah bahawa fatwa ialah pemberitahuan tentang sesuatu hukum syarak, berdasarkan *istinbat* yang dilakukan oleh seorang mufti yang mempunyai kewibawaan dalam ilmu pengetahuan Islam untuk memberi jawapan kepada kemosykilan yang timbul tanpa mengikat sesorang untuk melaksanakannya.

³⁸ Mohammad Saedon A.Othman (1996M), *Institut Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 143-144.

³⁹ Hajah Noresah bt. Baharom et.al. (1994M), *Kamus Dewan*, Edisi 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm.350.

2.6.2 SYARAT FATWA

Fatwā merupakan hukuman yang dikeluarkan melalui usaha yang bersungguh-sungguh oleh seorang mufti. Maka oleh kerana itu, mufti ini adalah sinonim dalam pengeluaran fatwa ini.

Bagi memastikan ketelusan fatwa yang akan dikeluarkan, Imām al-Rāzī menyatakan bahawa mufti itu mestilah seorang yang mujtahid dan seorang yang warak dan kebolehannya untuk berijtihad juga tidak diragui⁴⁰.

Al-Imām al-Ghazālī menerangkan bahawa ulamak bersepakat bahawa fatwa yang dikeluarkan haruslah dari sesorang *muftī* yang *mujtahid* dan adil. Tambah beliau lagi, bagi seorang yang mujtahid tidak boleh lari dari memiliki dua kriteria asas dalam mengeluarkan ijtihad;

- i. Mampu untuk berijtihad dan mengeluarkan hukum berdasarkan kepada kaedah pensabitan hukum yang tepat dan betul⁴¹.
- ii. Adil.

⁴⁰ al-Rāzī (t.t), *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut: Dār al-Kitab al-‘Ālamiyah, hlm.533.

⁴¹ Abū Hāmid bin Muhammad Al-Ghazālī (t.t), *al-Mustaqfā*, Mesir: Maktabah al-Jundiyyah, hlm.278.

Dengan pengertian bahawa seorang mujtahid itu mestilah adil dengan tidak melakukan sesuatu yang menjatuhkan maruahnya dengan unsur-unsur yang dianggap rendah oleh masyarakat⁴².

Mufti juga mestilah memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam berkaitan dengan hal-hal agama⁴³. Ia juga datang dari seseorang yang adil dan mengetahui hal perawi *Hadīth* dengan baik⁴⁴. Tidak cukup dengan itu, seorang mufti juga mestilah seorang yang betul-betul ahli peneliti (*nāzr syadīd*), berpengetahuan luas lagi mendalam tentang hukum syari'ah, mahir dalam masalah hukum; tidak cukup jika ia hanya menghafaz masalah-masalah serta dalil-dalilnya tanpa menggunakan penelitian yang meluas dan mendalam.

Adalah menjadi tanggungjawab dan merupakan salah satu daripada fardu kifayah ke atas ulamak Islam yang terkemuka (*a'lām al-'ulamā'*) untuk mengeluarkan fatwa berhubung dengan kemusykilan-kemusykilan yang timbul supaya dapat dijadikan rujukan⁴⁵.

⁴² *Ibid*, hlm.478.

⁴³ *Ibid*, jld.2, hlm.403.

⁴⁴ *Ibid*, jld.2,hlm. 124-126

⁴⁵ Ibn Ḥajar al-Ḥaythamī, *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah*, jld.1, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, hlm.3.

Perbahasan ini juga dapat memberi gambaran bagaimana pelaksanaan fatwa yang didasari oleh ijтиhad di zaman silam, agar dapat dijadikan tali pengukur dalam perbandingan sekaligus menjadi referensi yang berguna dalam rangka pelaksanaan dan pengembangan aktiviti fatwa di masa sekarang dan akan datang.

2.6.3.1 FATWA PADA PERIOD SAHABAT.

Di dalam pembicaraan berkaitan fatwa, proses terhasilnya sesuatu fatwa juga bergantung kepada sumber ijтиhad. Oleh kerana itu, kedapatan di sana ramai dari kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang melakukannya termasuklah Sayyidunā Abū Bakr r.a, Sayyidunā ‘Umar r.a., Sayyidunā ‘Uthmān r.a., Sayyidunā ‘Alī r.a., begitu juga ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awf, ‘Abdullāh bin Mas‘ūd, Ūbaī bin Ka'b, Mu’ādh bin Jabal, Ammār bin Yāsir, Ḥuzaifah al-Yamānī, Zaid bin Thābit, Abū Dardā’, Abū Mūsā al-‘Asy’ārī, Salmān al-Fārisī dan lain-lain lagi.

Sejak dari kewafatan Rasulullah s.a.w. itu para sahabat telah mempergiatkan institusi ijтиhad ini sebagai suatu sumber hukum yang tersendiri bagi memenuhi keperluan semasa di dalam memahami dan mencari pendekatan hukum *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*⁴⁷. Dalam satu perangkaan yang dibuat, terdapat lebih daripada 130 orang para sahabat Rasulullah s.a.w. terdiri dari lelaki dan

⁴⁷ Muhammad Yūsuf Mūsā (1958M), *Tarikh al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Nahdah, hlm.52-107.

perempuan yang mengeluarkan fatwa mengenai syarak. Perangkaan itu juga menyebutkan bahawa terdapat seramai tujuh orang sahabat yang paling banyak mengeluarkan fatwa. Mereka ialah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, ‘Alī bin Abī Ṭālib, ‘Abdullāh bin Mas’ūd, ‘Āisyah Umm al-Mu’mīnīn, Zaid bin Thābit, ‘Abdullāh bin ‘Abbās dan ‘Abdullah bin ‘Umar⁴⁸.

Di dalam melaksanakan tugas ijtihad ini para sahabat mempunyai cara dan pendekatan yang tersusun. Sesuatu kes yang timbul dan memerlukan hukum, mereka akan merujuk terus kepada *al-Qur'an*. Sekiranya nas yang berkenaan agak sukar untuk difahami atau berlaku pertelingkahan sesama mereka di dalam memahaminya, mereka akan merujuk kepada nas-nas lain yang boleh membantu mereka dalam memahaminya. Andainya mereka tidak mendapati hukum yang dicari itu dari *al-Qur'an* mereka akan menyelidiknya dari *al-Sunnah*. Seterusnya setelah mereka pasti bahawa tiada nas-nas yang menepati kehendak kes yang timbul barulah mereka berijtihad.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa penggunaan ijtihad sebagai sumber hukum berlaku sebagai langkah terakhir. Akan tetapi sekiranya terdapat nas-nas *al-Qur'an* atau *al-Sunnah* setelah ijtihad dilakukan dan ternyata ia bercanggah dengan nas-nas tersebut maka ijtihad itu akan terbatal secara langsung. Situasi seperti ini pernah berlaku di mana sayyiduna ‘Umar r.a. telah melakukan ijtihad dengan menghadkan kadar mas kahwin yang boleh diberi atau

⁴⁸Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit*, jld. 1, hlm. 11-12.

diminta oleh pihak perempuan dalam perkahwinan. Ini berdasarkan kepada maslahah atau kepentingan umum masyarakat yang pada ketika itu bersikap keterlaluan menaikkan harga mas kahwin. Cadangan beliau telah disuarakan melalui ucapan beliau di mimbar masjid. Susulan dari itu seorang perempuan tua telah bangun membantah cadangan tersebut dengan mengutarakan firman Allah swt;

وَإِنْ أَتَيْتُمْ أَحَدًا هُنْ قُطْرًا فَلَا تَأْخُذُوهُ مِنْهُ شَيْئًا . اتَّأْخُذُونَهُ بِعَيْنَاهُ وَالْمَا مِبْيَنًا .
وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَى بِعَضُّوكُمْ إِلَى بَعْضٍ وَأَخْدَنَتْكُمْ مِثْقَافًا غَلِيظًا

Surah al-Nisa' (3) : 20

Terjemahannya:

".....dan kamu berikan kepada mereka harta yang banyak (mas kahwin), jangan kamu ambil daripadanya sedikitpun. Adakah patut kamu ambil kembali harta itu dengan anjaya dan dosa yang terang"

Mendengar sahaja hujah tersebut tersebut sayyiduna 'Umar r.a. terus sahaja akur dan menyatakan dengan ucapannya yang masyhur⁴⁹;

" Tepat sekali seorang tua dan silap sekali 'Umar"

Para sahabat, apabila melakukan ijтиhad menganggap hasil ijтиhad mereka itu sebagai anggapan mereka secara peribadi, yang boleh menjadi salah

⁴⁹ Hasan Subhī Aljmad (1970M), *al-Madkhal Ilā al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Dār al-Fikr, hlm.119.

atau betul. Ini dengan sendirinya akan menjadikan mereka tidak menganggap ijtihad mereka sebagai pandangan yang wajib diikuti tanpa usul periksa.

Pada kebiasaannya, cara melakukan ijtihad dan memberi fatwa oleh para sahabat akan melalui beberapa pendekatan;

- i. Apabila hukum yang dikehendaki merupakan hukum cabangan atau yang bersangkutan dengan orang perseorangan, maka ijtihad berkenaan hanya menerangkan kepada pihak yang bertanya sahaja tanpa melibatkan tenaga ijtihad lain .
- ii. Apabila ijtihad yang diperlukan bersangkutan dengan urusan negara yang melibatkan pentadbiran masyarakat, maka para sahabat (ahli syūrā) akan berkumpul untuk membincangkan persoalan yang timbul dan keputusan akan diambil berdasarkan pandangan-pandangan yang ada. Bagi Khalifah ‘Umar sendiri ada membentuk dua dewan syūrā seperti ini yang dikenali dengan Majlis Syura Khas yang dianggotai oleh tokoh-tokoh dari kalangan Muḥājirīn atau Ansār bagi tujuan membincangkan persoalan-persoalan yang memerlukan banyak pendapat, dan Syura terbuka yang boleh dihadiri oleh siapa sahaja dari penduduk Madīnah terutama sekali bagi membincangkan persoalan serius berkaitan negara atau untuk menggariskan kaedah umum yang akan menjadi landasan masyarakat dan negara.

Di zaman Khalīfah Abū Bakr umpamanya, fatwa yang dikeluarkan oleh Khalifah ialah datuk adalah pendinding atau menyekat kepada saudara lelaki atau perempuan daripada mengambil harta pusaka si mati. Hujah kepada fatwa ini bersandar kepada situasi nenek di dalam undang-undang Islam yang sama keadaannya dengan hal bapa. Jadi, kalau bapa berhak menyekat saudara lelaki atau perempuan dari mengambil bahagian dalam pembahagian harta pusaka si mati, maka undang-undang ini adalah sama seperti yang dijalankan ke atas nenek lelaki ketika tidak ada bapa⁵⁰.

Manakala di zaman Khalīfah ‘Umar ibn al-Khattāb, ialah fatwa beliau terhadap kes tanah-tanah pertanian yang ditawan di Iraq dan Parsi. Sebagai seorang Khalifah, ‘Umar tidak berpendapat yang tanah-tanah tersebut termasuk dalam kehendak *khumus* yang kaedah pembahagiannya terdapat dalam al-Qur'an. Bagi ‘Umar harta *ghanīmah*, tidak termasuk harta-harta tetap seperti tanah akan tetapi terhadap harta yang boleh pindah sahaja. Pada ‘Umar kalaulah tanah-tanah itu dibahagikan mengikut kaedah *ghanīmah* negara akan kehilangan banyak sumber hasil yang sepatutnya didapati dari tanah-tanah tersebut dalam bentuk cukai⁵¹.

⁵⁰ Ibn Rusyd (t.t), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, jld. 2, Kaherah: Dār al-Fikr, hlm. 340-343.

⁵¹ Yahyā ibn Ādām, (1302H), *al-Kharāj*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, hlm. 25-31.

Begitu juga fatwa beliau mengenai kewajipan memberi ganti rugi oleh pihak tukang yang menerima tempahan membuat sesuatu sekiranya berlaku sesuatu kecacatan atas barang buatannya itu⁵².

Di dalam era pemerintahan Khalifah ‘Uthmān fatwa memainkan peranan dalam penentuan hukum. Umpamanya zakat terhadap kuda. Beliau berpendapat di zaman Rasulullah s.a.w. jumlah kuda ketika itu tidaklah sebanyak yang di zamannya dan penggunaannya adalah tinggi dan mustahak (untuk berperang) maka sebab itulah tiada kewajipan zakat ke atas kuda. Di zaman beliau situasi itu telah jauh berubah, dimana jumlah telah banyak dan dijadikan bahan perniagaan, maka sebab itulah beliau mengeluarkan fatwa supaya kuda dikenakan zakat⁵³.

Adapun fatwa yang menggunakan *al-maslahah al-mursalah* telah mula diguna pakai dalam pemerintahan Khalifah ‘Umar ibn Khattab. Situasi ini, dapat dipastikan dengan tindakan Khalifah ‘Umar memfatwakan bahawa perempuan yang berkahwin dengan seorang lelaki sedangkan dia masih dalam tempoh *iddah* adalah haram dikahwini untuk selama-lamanya. Fatwa ‘Umar itu bertujuan

⁵² Muhammad Abū Zahrah (t.t), *Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*, Kaherah: Maṭba'ah al-Madanī, hlm. 17-18.

⁵³ Tāhā Husain (1966M), *al-Fitnāh al-Kubrā*, Jld.2, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, hlm. 180.

membatalkan keinginan perempuan itu kahwin dengan lelaki tersebut dan sebagai hukuman baginya kerana menentang ketentuan Allah s.w.t.⁵⁴

Meskipun begitu, fatwa yang dikeluarkan ini mendapat tentangan dari beberapa orang sahabat termasuklah sayyidunā Ali r.a. Menurut sayyidunā Ali r.a. apabila ‘iddah habis, perempuan itu boleh berkahwin dengan lelaki lain itu. Ijtihad Alī r.a. itu didasarkan atas *al-barā’ah al-asliyyah* atau asal kebebasan⁵⁵. Fatwa sayyidunā ‘Alī r.a. ini melihat kepada hukum asal kepada perkahwinan seorang – perempuan itu adalah halal, dan tempoh ‘iddah itu merupakan penghalang (*māni*) baginya untuk kahwin. Ini bermakna apabila tempoh ‘iddah itu selesai bermakna *māni*’ itu tidak ada lagi, maka kembali kepada sifat hukum asalnya, iaitu halal dikahwini.

Begitu juga fatwa beliau mengenai isteri yang berada di dalam ‘iddah *talaq rajī* atau talak yang boleh dirujuk semula itu adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka bekas suaminya sekiranya suaminya itu mati di dalam masa ‘iddah⁵⁶.

Sayyiduna ‘Umar r.a. sendiri meskipun dalam melaksanakan urusan pentadbiran negara sering berijtihad berdasarkan *maṣlahah* namun beliau menyuruh para qadi (hakim) supaya menggunakan pendekatan *qiyās* apabila tidak

⁵⁴ Muḥammad ‘Alī al-Sāyis (t.t), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, Kaherah: Maktabah Wa Maṭba‘ah Muḥammad ‘Alī Syabih Wa Awlādūh, hlm. 36.

⁵⁵ *ibid.*, hlm. 47.

⁵⁶ Ibn Qudāmah (1972M/1392H), *al-Mughnī*, Jld. 7, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, hlm. 217.

mendapati nas *al-Qur'ān* atau *al-Sunnah*. Kenyataan ini berpandukan kepada sepucuk surat yang telah diutuskaan oleh Khalifah sendiri kepada Abū Musā al-Asy'arī, katanya:

“..... Fahamilah dengan betul segala apa yang sedang berkecamuk di dalam hatimu yang hukumnya tidak tersebut di dalam *al-Qur'an* dan *al-sunnah*. Ketahuilah apa yang boleh dipadankan dan mana yang tidak serupa, dan lakukan *qiyās* untuk tujuan itu.....”⁵⁷

Tugas-tugas ini memerlukan satu kaedah tetap yang banyak terikat dengan nas-nas hukum supaya ia lebih stabil dan lebih meyakinkan. ‘Umar menyatakan bahawa:

“..... Pengadilan itu suatu jalan yang perlu lurus.....”⁵⁸,

Kenyataan di atas bererti ia perlu sentiasa terikat dengan nas.

Disebalik usaha menghasilkan fatwa yang tepat dan berkesan, sebenarnya para sahabat terpaksa peka pada dua situasi yang membimbangkan, hasil dari reaksi hati-hati dari mencabuli agama Islam. Di dalam satu situasi, mereka harus meriwayatkan hadith-hadith dari Rasulullah s.a.w. untuk proses pembinaan hukum, dan dalam masa yang sama terpaksa teliti agar tidak dianggap pendusta terhadap Rasulullah s.a.w. Manakala dalam situasi yang lain, mereka terpaksa memberi fatwa mengenai apa-apa yang tidak terdapat di dalam *al-Qur'ān*

⁵⁷ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit*, jld.1, hlm. 86.

⁵⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit*, Jld.1, hlm. 86.

dan *al-Sunnah*. Namun dalam masa yang sama bimbang fatwa mereka adalah hasil dari fikiran atau pendapat peribadi mereka sendiri.

Kedapatan sebilangan dari kalangan para sahabat yang memilih untuk mengatakan sesuatu fatwa yang diberikan olehnya adalah pendapat peribadinya selama bukan suatu hadith yang *sahīh*⁵⁹. Sikap hati-hati para sahabat ini menjadikan mereka lebih suka untuk menyatakan bahawa fatwa mereka adalah bersifat peribadi dan bukan hadith Rasulullah s.a.w. Di dalam suatu kes, Khalifah ‘Umar r.a. setelah mengeluarkan suatu fatwa terhadap sesuatu persoalan yang diajukan kepadanya, maka jurutulis yang bertanggungjawab mencatat setiap keputusan yang diputuskan olehnya akan menulis diujung fatwa itu dengan catatan:

“..... Inilah apa yang dipandang oleh Allah dan apa yang dipandang oleh ‘Umar.....”. Kata ‘Umar: “....celakalah apa yang kau katakan itu. Ini adalah pendapat ‘Umar. Kalau ia betul maka ia adalah (petunjuk) dari Allah, akan tetapi kalau ia salah maka ianya (hasutan) syaitan.....”⁶⁰

Dari kenyataan-kenyataan terhadap beberapa situasi berdasarkan catatan sejarah di atas, harus disedari bahawa dalam proses menghasilkan suatu pandangan agama atau fatwa terutama sebagai seorang pemerintah, para sahabat akan menumpukan sepenuh perhatian agar natijah kepada pemikiran itu tidak tersasar dari landasannya yang benar.

⁵⁹ Muhammad Abū Zahrah, *op.cit.*, hlm.20.

⁶⁰ *ibid.*, hlm. 20.

Biarpun begitu, autoriti fatwa yang telah dikeluarkan oleh kalangan sahabat itu telah dipersoalkan oleh ulamak Islam yang terkemudian. Imām al-Ghazālī melalui kenyataannya menganggap bahawa fatwa sahabat yang dikeluarkan secara am tidak boleh dijadikan hujjah. Akan tetapi sekiranya fatwa tersebut mempunyai sandaran kepada Rasulullah s.a.w. barulah fatwa tersebut boleh menjadi hujjah, kerana hukum yang dikeluarkan dirujuk kepada Rasulullah s.a.w.⁶¹

Kedapatan juga pandangan yang menyatakan bahawa antara para sahabat yang pernah bersama Baginda s.a.w. hanya fatwa Abū Bakr dan ‘Umar ibn al-Khattāb sahaja yang boleh dijadikan hujjah. Walaubagaimanapun, pendapat yang disepakati menegaskan bahawa fatwa sahabat tidak menjadi hujah bagi ulamak yang terkemudian⁶².

2.6.3.2 FATWA PADA PERIOD *TĀBI’ĪN* DAN *ATBA’* ‘*TĀBI’ĪN*

Fatwa melalui ijtihad tidak hanya terhenti perkembangannya sehingga masa sahabat sahaja⁶³, malah kesinambungannya berlangsung terus. Setelah period sahabat berakhir, telah muncul pula bijak pandai dan tokoh-tokoh fuqahā' dari

⁶¹ Al-Ghazālī (t.t), *al-Mustasfa*, Jld.2, Mesir: Maktabah al-Jundiyyah, hlm. 66-88.

⁶² Ibn al-Hājib (1326H), *Muntahā al-Wuṣul wa al-‘Amal fī ‘Ilm al-Ūṣul wa al-Jadāl*, Kaherah: Dār al-Rayyān Li al-Turāth, hlm. 154-155.

⁶³ Muḥammad Adīb Ṣāliḥ (1399H), *Lamāhāt fī Uṣūl al-Ḥadīth*, cet. 3, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, hlm. 24.

kalangan tābi‘īn yang memahami dan berpegang dengan baik fatwa-fatwa para sahabat dan seterusnya tābi‘īn.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang lalu, dapatlah dirumuskan bahawa period Nabi s.a.w. dan para sahabat itu boleh dikenali dengan fasa permulaan dan persiapan fiqh Islam, manakala period seterus atau di masa tabi‘īn dan dua atau tiga kurun berikutnya fasa ini sesuai dikenali dengan fasa pembinaan dan pembukuan fiqh Islam.

Pada fasa kedua inilah hukum Islam mengalami kemuncak kejayaannya seiring dengan kemajuan dunia Islam dihampir semua bidang. Pada fasa ini, tidaklah pengumpulan terhadap riwayat-riwayat para sahabat itu berlaku dengan mencari para sahabat yang masih hidup disetiap kota dan daerah, akan tetapi pengumpulan riwayat-riwayat dan fatwa itu berlaku melalui guru-guru mereka sendiri. Ini kerana para sahabat mempunyai ramai anak murid, dan melalui merekaalah pemindahan ini berlaku⁶⁴.

Pada period yang terkenal dengan “Period ijtihad dan keemasan hukum Islam” ini lahirlah para mujtahid terkenal iaitu Abū Hanīfah, Mālik bin Anas, Muhammad bin Idrīs *al-Syāfi‘ī* dan Ahmad ibn Hanbal yang juga terkenal dengan panggilan *al-a’immah al-arba‘ah* (imam yang empat). Mereka semua berpegang

⁶⁴ *ibid.*, hlm. 25. Maksud kepada *tabi‘īn* ialah orang yang dapat bertemu dengan sahabat dan meriwayatkan hadith daripadanya. *Atba‘ tabi‘īn* ialah orang yang bertemu dengan *tabi‘īn* dan meriwayatkan hadith daripadanya. Masa *atba‘ tabi‘īn* berakhir pada tahun 220 H. Lihat Ma‘mūd Abū Rayyah, *Adwā‘ ‘Alā al-Sunnah al-Muhammadiyyah*, cet. 3, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, hlm. 244.

teguh pada semua fatwa yang dikeluarkan oleh ulamak (*tabi'īn*) tempatan sebelum mereka. Selain itu, mereka juga berijtihād sendiri untuk mengeluarkan fatwa sekiranya mereka mendapati hukum yang tersebut tiada dalam al-Qur'an dan al-Hadīth atau fatwa dari ulamak sebelum mereka⁶⁵.

Antara beberapa kumpulan fatwa yang dikeluarkan dalam period ini ialah fatwa tentang waris-waris *dhawū al-arḥām* yang diambil dari pandangan Imām Malik. Menurut beliau *dhawū al-arḥām* tidak berhak mewarisi harta pusaka si mati walaupun ketika tiada waris-waris yang berhak iaitu *aṣḥāb al-furūd*. Mereka juga tidak berhak untuk mewarisi baki harta pusaka jika diambil oleh waris-waris yang berhak (*aṣḥāb al-furūd*). Beliau lebih menekankan harta *bait al-māl* untuk diberikan kepada waris-waris *dhawū al-arḥām* daripada memberikan baki harta pusaka si mati atau ketika tiada waris-waris yang berhak⁶⁶.

Fatwa dari Imām Abū Hanīfah bahawa datuk boleh menghalang semua saudara lelaki atau perempuan daripada mewarisi harta pusaka⁶⁷.

Bagi Imam Syāfi'i fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh beliau lebih bersifat bersendirian. Fatwa-fatwa beliau dapat diperhatikan melalui buku karangan beliau iaitu *al-Umm* dan *al-Risālah*, yang sehingga kini masih menjadi rujukan dan pegangan asas bagi pengikut *madhhab al-Syāfi'i*. Di antara fatwa beliau ialah fatwa tentang larangan menterjemahkan al-Qur'an kepada bahasa selain dari bahasa Arab. Kerana menurut beliau, al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab

⁶⁵ Ibn Qayyīm al-Jauziyyah, *op.cit.*, jld. 1, hlm. 22-30.

⁶⁶ al-Suyūtī (t.t), *Tanwīr al-Havālik*, jld. 1, Beirut: Dār al-Nadwah al-Jadīd, hlm. 338., Ibn Rusyd, *op.cit.*, jld. 2, hlm. 258-259; Malik bin Anas (1988M/1408H), *al-Muwaṭṭa'*, jld. 2, Beirut: al-Maktabah al-Thaqāfiyyah , hlm. 771.

⁶⁷ Ibn Rusyd, *op.cit.*, jld. 2, hlm. 340-343.

yang mempunyai susunan bahasa dan maksud yang khusus serta mengandungi hikmat yang tertentu yang ada kalanya tidak dapat difahami oleh manusia⁶⁸.

Dalam soal mas kahwin, menurut Imām Syāfi‘ī mas kahwin atau mahar kepada isteri sama ada yang telah ditentukan kadarnya (*al-mahr al-musammā*), atau mengikut adat (*al-mahr al-mithlī*), tiada kadar maksimum bagi mas kahwin yang ditetapkan akan tetapi beliau menerangkan bahawa kadar minimum sekurang-kurangnya mestilah mempunyai sedikit harga lagi berguna. Tambah beliau lagi, jika suami menceraikan isterinya sebelum persetubuhan dan nikah itu dijalankan melalui mas kahwin mengikut adat (*al-mahr al-mithlī*), maka ia tidak wajib membayar mas kahwin tersebut kepada isterinya. Ini berpandukan kepada salah satu fatwanya. Fatwa beliau yang kedua ialah suami mestilah membayar *mut’ah* atau bayaran saguhati⁶⁹.

Seperti Imām Abū Ḥanīfah, Imām Mālik dan Imām Syāfi‘ī, Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal juga tidak kurang banyaknya dalam mengeluarkan fatwa. Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal telah meninggalkan banyak fatwa yang ada sebelumnya, baik fatwa sahabat mahupun fatwa ulamak lain kerana ada hadith yang sah dan pada pandangannya boleh diamalkan. Beliau tidak berpegang kepada pandangan ‘Umar Ibn Khattāb tentang perempuan talak *bā’iñ*⁷⁰ yang menyatakan bahawa perempuan

⁶⁸ Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘ī (1969M/1388H), *al-Risālah*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābi Wa Awlāduh, hlm. 41-43.

⁶⁹ al-Syāfi‘ī (1983M/1403H), *al-Umm Ma’ā Mukhtaṣar al-Muzānī*, jld. 7, cet.2, Beirut: Dār al-Fikr, hlm.285-286. Seseorang yang telah menceraikan isterinya sebelum mencampurnya, wajiblah dibayar separuh atau seperdua mahar seandainya jumlah itu telah ditetapkan kadarnya oleh si suami atau hakim. Jika mahar itu belum ditetapkan kadarnya, tidak wajib membayar sebahagian atau seperdua dari mahar tersebut, hanya yang wajib bagi si lelaki membayar *mut’ah*, bukan mahar. Ibn Rusyd, *op.cit.*, jld 2, hlm. 73-74

⁷⁰ Ibn Rusyd, *op.cit.*, hlm. 46.

itu berhak mendapatkan nafkah dan tempat tinggal. Fatwa beliau ini berpegang kepada ḥadith Fāṭimah Ibn al-Qays yang menyatakan bahawa Nabi s.a.w. tidak memberi hak nafkah dan tempat tinggal kepada perempuan talak *bā'in*⁷¹.

2.6.4 ETIKA SEORANG MUFTI

Scenario seorang muslim, tidak dapat lari dari mematuhi dan taat kepada setiap perutusan Allah s.w.t. berpandukan kepada keterangan al-Qur'an dan pemimpinan sunnah Junjungan Besar Muḥammad s.a.w. Persoalan yang bersangkutan etika atau dengan bahasa mudahnya akhlak, adalah sesuatu yang sinonim dengan kehidupan seorang muslim selain akidah dan kepercayaan terhadap Penciptanya. Keunggulan, kesempurnaan dan keindahan Islam hanya akan dapat dimengertikan dengan penghayatan Islam secara syumul.

Di dalam pembicaraan mengenai seorang mufti, etika ataupun akhlak adalah sesuatu yang perlu diberi keutamaan. Adalah menjadi tanggungjawab bagi seorang mufti menjaga dan memeliharanya, kerana mereka memikul tanggungjawab yang telah diwariskan oleh Baginda s.a.w. di samping menjadi penjelas kepada hukum syarak.

⁷¹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit*, Jld. 1, hlm.32-33.

Firman Allah s.w.t;

قُلْ إِنَّمَا حَرَمَ رَبُّ الْفَوَاحِشِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمُ وَالْبَغْيُ بَغْرِيْلِ الْحَقِّ وَإِنْ تَشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يَتَّلِّ بِهِ سُلْطَانًا وَإِنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Terjemahannya:

“ Katakanlah, sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan keji sama ada yang nyata atau yang tersembunyi, perbuatan dosa dan perbuatan menceroboh dengan tiada alasan yang benar, dan diharamkannya kamu memperseketukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya, dan diharamkan kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak ketahui”

Surah al-A'raf (7) : 33

Kenyataan ayat di atas, menegaskan tentang pengharaman perbuatan keji dan melakukan pencerobohan dengan tiada sebab. Begitu juga larangan menyengutukan Allah s.w.t. dan cuba memperkatakan sesuatu ketetapan (hukumNya) tanpa bersandarkan kepada ilmu. Dari itu, fatwa itu mestilah datang dari seorang yang memiliki tahap keilmuan Islam yang tinggi sehingga mampu memberikan fatwa yang benar dan meyakinkan. Oleh sebab itu, adalah menjadi suatu kesalahan apabila fatwa atau hukuman yang dijatuhkan tidak bersandarkan kepada ilmu. Malah perbuatan itu dianggap berdosa besar⁷².

Di dalam satu kenyataan lain Allah s.w.t. menegaskan melalui firmanNya:

وَلَا تَقُولُوا لَا تَصْفِحُ الْأَسْتَكْمُ الْكَذْبُ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لَتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذْبُ
إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذْبُ لَا يَفْلُحُونَ

Terjemahannya:

⁷²Ibrāhīm Najīb Muḥammad ‘Iwad (1975M), *Qadā’ fi al-Islām*, Kaherah: Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, hlm. 10.

“ Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu . Ini halal dan ini haram, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah, sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya”

Surah al-Nahl (16) : 116

Kenyataan Allah s.w.t. jelas menunjukkan kepentingan ilmu dalam pembicaraan terhadap persoalan hukum dan memastikan sesuatu ketetapan hukum itu tidak dipengaruhi oleh hawa nafsu atau kepentingan untuk mencari nama serta kemasyhuran berdasarkan tujuan dunia semata-mata.

Seseorang mufti hendaklah seorang yang punya tahap keilmuan yang tinggi, bersifat benar dan fatwa yang dikeluarkannya hendaklah dengan tujuan mencari keredhaan Allah s.w.t. Oleh kerana itu, bagi memastikan *authority* fatwa ini, para ulamak berpendapat bahawa seseorang mufti hendaklah punya kewarakan yang jelas, pegangannya terhadap agama masyhur dan dimaklumi umum serta sentiasa dijaga. Sebagaimana contoh yang ditunjukkan oleh Imam Malik yang beramal dengan perkara yang lazimnya tidak diamalkan oleh orang ramai sedangkan amalan itu jika ditinggalkan tidak pula menjadi dosa⁷³.

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, seorang mufti hendaklah memiliki persediaan dalaman yang utama iaitu ikhlas dengan amanah yang

⁷³ Muhyi al-Dīn bin Syaraf al-Nawāwī, *al-Majmū‘ Syarh al-Muhadhdhab*, , jld. 1, Kaherah: Maṭba‘ah al-‘Āsimah, hlm. 69.

diberikan kerana Allah s.w.t. Melalui sifat ikhlas ini, seorang mufti akan sentiasa mensucikan rohaninya. Manifestasi dari sifat ikhlas ini, maka akan terhasilah niat yang benar iaitu untuk menyambung tugas yang telah ditinggalkan oleh Junjungan Besar Muhammad s.a.w. dan mewujudkan keinginan beramal dengan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah⁷⁴. Kenyataan ini bertepatan dengan sabda Baginda s.a.w.

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نُوِيَ فَمَنْ كَانَ هَاجِرَتِهِ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَاجِرَتِهِ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَ هَاجِرَتِهِ لِدُنْيَا يَصْبِيْهَا أَوْ امْرَأَةً يَنْكِحُهَا فَهَاجِرَتِهِ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Terjemahannya :

“ Sesungguhnya setiap amalan itu akan diambil kira berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat sesuatu berdasarkan niatnya. Sesiapa yang berhijrah dengan niat kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu diterima oleh Allah serta RasulNya dan sesiapa berhijrah kerana dunia yang dicarinya atau kerana wanita yang akan dikahwininya, maka hijrahnya itu akan menghasilkan sesuatu, selaras dengan niat hijrahnya itu”.

(al-Bukhārī daripada ‘Umar ibn Khaṭṭāb 1)⁷⁵

Seseorang mufti yang hendak mengeluarkan fatwa tidaklah harus terburu-buru. Pertimbangan dan penelitian yang mendalam haruslah diutamakan sebelum keputusan dikeluarkan dengan tanpa mengabaikan implikasi dan kesan dari setiap fatwa yang dikeluarkan. Dari itu, Imām Mālik umpamanya amat berhati-hati

⁷⁴ Wazārah al- Auqāf (1986M/1406H), *Mausū‘ah al-Fiqh al-Islāmī*, Jld. 17, Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣrī, hlm. 295.

⁷⁵ Ahmad ibn ‘Alī ibn Ḥajar al-Asqalānī (1986M). *Fath al-Bārī Bi Syarh Ṣaḥīḥ Bukhārī*, jld. 1, cet. 1, Kaherah: Dār al- Rayyān Li al-Turāthī, hlm. 15.

dalam mengeluarkan fatwa, sehingga adakalanya beliau tidak menjamah makanan kerana perhatian yang tinggi terhadap sesuatu fatwa yang akan dikeluarkan⁷⁶.

Seseorang mufti juga hendaklah memastikan bahawa beliau adalah orang pertama yang berpegang dengan fatwa yang dikeluarkan. Andainya fatwa itu adalah bersangkutan dengan kebajikan, maka seorang mufti itu mengambil dan melaksanakannya. Akan tetapi jika sebaliknya, maka seorang mufti jugalah orang yang pertama menghalang dirinya dari melakukan larangan tersebut. Ini untuk memastikan perbuatan dan amalannya bersesuaian dengan fatwa serta perkataannya⁷⁷.

Sebelum mengeluarkan fatwa dalam masalah-masalah yang rumit, mufti sewajarnya berbincang dengan golongan yang diiktiraf keilmuannya. Tidaklah harus bagi setiap kemosyikilan yang timbul dilakukan penyelesaiannya secara bersendirian tanpa diadakan sebarang persidangan atau perbincangan dengan para ilmuan Islam. Kenyataan ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t.

و شاورهم في الأمر

Terjemahannya:

“ Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan”

Surah Ālī-'Imrān (2) : 159

⁷⁶ Muhammad Abū Zahrah (1957M), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah, Matba'ah Ma'mariyyah, hlm.391.

⁷⁷ *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmī*, op.cit., hlm.292.

Dari itu, seseorang mufti juga tidak harus mengeluarkan fatwa dengan memilih pendapat yang mudah atau longgar (*tatabbu' rukhas*) sesuatu madhhab. Andainya wujud pertikaian di kalangan para ulamak pada kemosyikilan hukum yang timbul, maka seseorang mufti berhak untuk mengambil salah satu pandangan dari ulamak tersebut di atas dasar kekuatan hujjahnya dan bukan untuk tujuan meremeh atau meringankan untuk tujuan memudahkan kerja. Sekiranya mendapati mereka melakukannya tanpa ada alasan yang munasabah, maka mereka dianggap meringan-ringankan agama dan boleh dianggap *fasiq*⁷⁸.

Kesimpulan dari perbincangan yang lalu berhubung dengan etika seorang mufti, Imam Ahmad telah merumuskan bahawa seorang mufti itu haruslah memiliki lima perkara sebelum boleh fatwa yang dikeluarkan berautoriti iaitu⁷⁹:

- i. Mempunyai niat untuk mendapatkan keredaan Allah s.w.t. Ia tidak harus memberi fatwa semata-mata kerana tamakkan harta atau kemegahan dan tidak juga kerana takutkan pihak berkuasa
- ii. Memiliki ilmu, tenang, berlapang dada dan *waqar* (tenang atau kewarasan)
- iii. Menguasai ilmu pengetahuan yang dapat memberikan seorang mufti kemampuan untuk mengeluarkan fatwa

⁷⁸ *Mausū'ah al-Fiqh al-Islāmī*, *ibid.*

⁷⁹ 'Alī Ḥasaballāh (1963M), *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*, cet.3, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, hlm. 102-104.

- iv. Mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi sehingga tidak bergantung kepada orang lain
- v. Mengetahui situasi manusia dan masyarakat setempat. Adalah tidak layak sesorang yang diberi kuasa untuk menentukan fatwa itu jahil akan manusia. Ini adalah kerana fatwanya akan mendatangkan keburukan dan kerosakan kepada manusia, berbanding kebaikan. Faktor kejahilan ini, akan mendorong kepada penipuan dan kezaliman akibat sikap kepura-puraan manusia itu sendiri.

2.6.5 KATEGORI MUFTI

Berdasarkan kepada perbincangan yang lalu, jelas menunjukkan bahawa menuntut ilmu yang bermanfaat itu adalah suatu tuntutan yang tidak boleh diabaikan malah ia adalah suatu kewajipan kepada seluruh umat Islam. Pendidikan yang digagaskan oleh Islam ialah pendidikan yang bersifat sepadu dan mampu dihayati seumur hidup. Walaupun begitu, malangnya tuntutan yang dianjurkan oleh Islam itu tidak mendapat sambutan dari segenap umat Islam sehingga kedapatan umat Islam yang masih diselubungi oleh kejahilan terutama sekali dalam bidang ilmu *fard 'ain*.

Senario semasa ini, menunjukkan kepada kepentingan para ulamak bagi menjelaskan kekaburuan yang berkisar tentang hal ehwal agama, dan mereka haruslah menjadi tempat rujukan kepada golongan ini.

Mufti sebagaimana definisi yang lalu, menggambarkan tanggungjawab dan bebanan yang harus dipikul di dalam menyelesaikan segala persoalan agama yang timbul. Bagi menangani setiap persoalan ini juga haruslah dari seorang mufti yang mempunyai kewibawaan dalam ilmu pengetahuan Islam untuk memberi jawapan kepada sesuatu kemosykilan biarpun *istinbāt* terhadap hukum itu tidaklah mengikat.

Apabila dilihat di dalam kitab-kitab ‘ilm *Uṣūl al-fiqh* menjelaskan bahawa mufti ialah seorang *mujtahid* dan *faqīh* yang mempunyai tingkatan-tingkatan tertentu bagi menentukan taraf-taraf mereka. Oleh sebab itu ketika membincangkan mengenai hal mufti ini, ulamak telah mengategorikannya kepada dua kategori iaitu:

- i. *Muftī mustaqil* atau mufti yang tersendiri atau bebas dari terikat dengan mana-mana mazhab. Pada kategori ini seorang *faqīh* itu memiliki kemampuan dan kekuatan dalil-dalil hukum *syarī'ah* berdasarkan nas-nas yang termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Hadith serta memahami secara mendalam hal-hal *ijma'* dan *qiyās* bagi menguatkan fatwa di penguasaan yang baik di dalam bahasa Arab termasuk ‘ilm *al-Balaghah*. Apabila seseorang mencapai *maqām* atau darjat ini, maka ia bolehlah dianggap

sebagai seorang *Mujtahid Muṭlaq Mustaqil* yang punya kelayakan untuk mengeluarkan fatwanya sendiri⁸⁰.

- ii. *Mufti ghair mustaqil* atau *muftī* yang berpegang kepada madhab yang tertentu. Ia adalah seorang *faqīh* yang mengetahui dalil-dalil hukum *syarī'ah* secara umum dan memiliki kemampuan untuk memahami hal-hal yang berhubung dengan agama Islam secara keseluruhan. Pendiriannya mengenai agama tetap cenderung kepada satu-satu madhab ketika berfatwa. Seorang yang mencapai darjat ini dianggap sebagai *Mujtahid Muqallid fī Madhab* yang juga boleh mengeluarkan fatwa⁸¹.

Pada kategori *Mufti ghair mustaqil* pula, Ibn al-Salāh memecahkannya kepada empat kategori yang lain iaitu⁸²:

- i. Mufti yang tidak mengikut cara imamnya dalam memahami dalil-dalil *syarī'ah*. Walaubagaimanapun ia mempunyai cukup syarat sebagai mufti dan membolehkannya untuk berijtihad
- ii. Mufti *mujtahid*, dimana ia adalah mengikut sesuatu madhab tetapi tidak menggunakan metodologi imamnya dalam memahami nas-nas.

⁸⁰ Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *op.cit.*, hlm 15-16.

⁸¹ *Ibid*, hlm. 16-18.

⁸² Ibn al-Salāh (t.t), *Fatwā wa al-Masā'il Fī al-Tafsīr wa al-Muftī wa al-Mustafī*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah, hlm. 21-25.

- iii. Mufti yang tidak mencukupi tahap yang sama dengan imamnya dalam madhabnya khasnya berkenaan cara imamnya mengistinbatkan hukum akan tetapi beliau mahir dalam metod ijtihadnya yang tersendiri
- iv. Mufti bagi madhab imamnya. Beliau hanya faham dan mampu mengeluarkan fatwa berpandukan kepada madhabnya sahaja.

Setelah mengenal pasti kategori taraf seseorang mufti itu, seseorang yang dianggap layak mengeluarkan fatwa itu sepetimana yang telah dijelaskan oleh beberapa ulamak termasuk Ibn ‘Ābidīn adalah terbahagi kepada tujuh kelas iaitu:

- i. *Mujtahid* seperti Imām Abū Hanīfah, Imām Mālik, al-Imām al-Syāfi‘ī, Imām Ahmad ibn Hanbal dan beberapa imam-imam lain yang berjaya menyusun kaedah perundangan Islam (*Qawā'id al-Uṣūl*) dan kemampuan mengistinbatkan cawangan hukum melalui al-Qur'ān, Ḥadīth, Ijma' dan Qiyās tanpa berpegang kepada mana-mana dasar yang diamalkan oleh seseorang imam sahaja⁸³.
- ii. *Mujtahid fi Madhab* seperti Abū Yūsuf, Muḥammad al-Syaibānī dan semua ulamak pengikut Abū Hanīfah yang kadangkala bercanggah dengan cawangan hukum (*ahkām al-Furū'*) seperti yang telah mereka pelajari dari imam mereka, akan tetapi masih tetap berpandukan kepada kaedah-

⁸³ Ibn ‘Ābidīn, *op.cit*, hlm.11.

kaerah perundangan (*qawa'id al-uṣūl*) yang dilaksanakan oleh imam mereka⁸⁴.

- iii. *Mujtahid fī al-Masāil* seperti al-Khassaf, al-Ṭahawī, al-Karkhī, al-Ḥalwānī, al-Sarakhsī, al-Bazdawī, yang mana tidak mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan pendapat imam sama ada kaerah perundangan atau hukum cawangan⁸⁵.
- iv. *Muqallid* seperti al-Rāzī dan ulamak lain, yang boleh berijtihad, akan tetapi mahir dengan kaerah-kaerah dan tempat sandaran hukum yang mereka pelajari dari imam, serta kemampuan mentafsirkan hukum yang terdapat kekaburuan atau hukum yang mempunyai dua pengertian yang dikeluarkan oleh imam mereka. Mereka dianggap boleh mengeluarkan fatwa mengenai penerangan yang telah diputuskan oleh imam mereka dan dalam masa yang sama mampu menggunakan *qiyās* terhadap masalah yang berlaku dalam usaha mengeluarkan fatwa⁸⁶.
- v. *Mujtahid* seperti Abū al-Ḥasan al-Qadūrī dan beberapa ulamak lain. Mereka ini dikategorikan sebagai ulamak yang tidak boleh berijtihad akan tetapi boleh melakukan *pentarjihan* terhadap mana-mana pendapat imam-imam yang perlu diberi keutamaan⁸⁷.

⁸⁴ *ibid.*, hlm. 11.

⁸⁵ *ibid.*, hlm. 12.

⁸⁶ *ibid.*

⁸⁷ *ibid.*

- vi. *Muqallid* yang tidak dibolehkan mengeluarkan fatwa dan tidak boleh berijtihad. Tetapi boleh membezakan di antara pendapat yang paling kuat dengan pendapat yang kuat⁸⁸.
- vii. *Muqallid* seperti ulamak yang tidak boleh melakukan *ijtihad* untuk mengeluarkan fatwa⁸⁹.

Penulis melihat bahawa pembahagian terhadap kelayakan bagi seseorang mufti dalam mengeluarkan fatwa menampakkan peranan fatwa di dalam sejarah perundangan Islam dari generasi kegenerasi. Kriteria-kriteria ketat bagi fatwa yang hendak dikeluarkan ini bagi memastikan setiap keputusan tidak didasarkan ke atas kepentingan peribadi yang lebih kepada memenuhi kehendak hawa nafsu. Apa yang pasti, setiap fatwa yang hendak dikeluarkan itu mestilah dilakukan terhadap masalah yang telah berlaku dan keputusannya bersifat muktamat biarpun berkemungkinan akan berlaku perubahan berdasarkan peredaran masa dan zaman.

2.6.6 MARTABAT FATWA DALAM SYARIAT ISLAM

Apabila dikaji secara teliti mengenai hal fatwa, maka dapat difahami bahawa fatwa memainkan peranan penting dalam sejarah perundangan Islam dari masa ke semasa. Namun dari sudut autoriti *fatāwā al-ṣahābah*, tidak mendapat

⁸⁸ *ibid.*

⁸⁹ *ibid.*

kesepakatan dari ulamak *Uṣūl fiqh* terutama sekali bagi ulamak Islam yang terkemudian.

Bagi Imam al-Ghazālī, *fatāwā al-ṣahābah* ataupun fatwa sahabat yang dikeluarkan adalah dalam bentuk yang umum dan ini jelas menunjukkan bahawa fatwa ini tidak boleh dijadikan hujjah. Biarpun begitu tidak bermakna kesemua fatwa itu mesti ditolak, bahkan bagi setiap fatwa yang punya sandaran kepada Rasulullah s.a.w. maka fatwa itu boleh dijadikan hujjah, kerana hukum yang dikeluarkan merujuk kepada Rasul s.a.w., bukan dirujuk kepada orang yang mengeluarkan fatwa⁹⁰.

Apa yang jelas, dalam memperkatakan tentang autoriti fatwa sahabat ini, ulamak *Uṣūl al-fiqh* berselisih pandangan mengenainya. Adapun *Jumhur al-Fuqaha' al-Sunnī* memartabatkannya sebagai hujjah selepas *al-Qur'an* dan *al-Hadith* di dalam perundangan Islam. Pandangan tersebut didasarkan kepada beberapa kriteria iaitu:

- i. Fatwa sahabat itu dikeluarkan selepas mereka mendengar dari Rasulullah s.a.w.

⁹⁰ *al-Mustasfā*, op.cit jld.2, hlm.66-88

- ii. Selepas mereka mendengar dari orang yang mendengar dari Rasūlullāh s.a.w.
- iii. Kemampuan mereka dari sudut memahami *al-Qur'an* dengan baik
- iv. Fatwa yang dikeluarkan mendapat persetujuan dari kalangan para sahabat
- v. Pemahaman dari sudut bahasa dan maksud yang ingin disampaikan berdasarkan kepada keadaan semasa serta hal ehwal yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w.;⁹¹

Pemakaian fatwa sahabat dalam perundangan Islam boleh dikatakan terdapat di dalam keseluruhan sumber perundangan yang digunakan oleh imam-imam madhhab. Hanya yang berbeza dari sudut kedudukannya sahaja. Imām Maṭīr, Imām Abū Ḥanīfah meletakkan *fatāwā al-ṣahābah* pada kedudukan yang ketiga dalam peringkat sumber perundangan Islam⁹². Imām al-Syāfi‘ī pula mengkelaskan di antara *fatāwā al-ṣahābah* itu kepada dua kategori iaitu yang tidak ada bangkangan dan fatwa sahabat yang mempunyai bangkangan⁹³. Manakala Imām Ahmad pula meletakkannya pada kedudukannya yang kedua selepas *al-Qur'an* dan *al-Hadīth*⁹⁴.

⁹¹ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit.*, jld.1, hlm.203-227.

⁹² Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit.*, jld.2, hlm.304; Muḥammad Abū Zahrah (1947M/ 1366H), *Abū Ḥanīfah Ḥayātuh Wa 'Aṣruh Arāhūh Wa Fiqhuh*, Kaherah: Dār al-Fikr, hlm. 105.

⁹³ al-Syāfi‘ī, *al-Risālah*, *op.cit.*, hlm. 503-508.

⁹⁴ Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *op.cit.*, jld.1, hlm.29-33.

Berpandukan kepada fakta di atas, jelas menunjukkan bahawa keempat-empat imam madhab bersetuju dengan penggunaan fatwa sahabat ini. Biarpun fatwa sahabat itu dipersetujui oleh imam-imam madhab namun menurut Al-Āmidī fatwa sahabat hanya boleh diikuti oleh orang awam dan bukan bagi golongan *Mujtahid*⁹⁵.

2.7 RUMUSAN

Setelah meninjau kepada institusi fatwa dan garis panduan kepada acara *istinbat* dalam persoalan hukum serta syarat-syarat yang melayakkan seseorang itu mengeluarkan fatwa perlu dilihat kepada dua aspek utama iaitu kekuatan hukum yang dikeluarkan dan penghayatan atau perlaksanaannya. Adalah sukar pada zaman ini mendapatkan *mujtahid mutlaq*, ataupun *mujtahid muqayyad* bagi mengeluarkan fatwa mengikut tradisi pengajian Islam. Dari itu, perundingan rasmi dari kalangan para ulamak terhadap persoalan agama adalah sesuatu yang dianggap amat wajar dan perlu terutamanya dalam usaha meyakinkan masyarakat terhadap sesuatu keputusan hukum yang dikeluarkan. Ini berdasarkan kepada kredibiliti dan kelayakan mereka yang ada pada hari ini untuk melakukan kajian dalam perkara agama adalah kurang berbanding ulamak zaman silam. Ada baiknya, diwujudkan jawatankuasa fatwa di peringkat kebangsaan ini supaya ijtihad dapat dilakukan secara *jamā'ī* atau kolektif.

Jawatan mufti ini adalah penting kepada umat Islam, samalah seperti jawatan kadi. Oleh yang demikian, wajiblah ke atas pihak yang berkuasa agama melantik orang yang layak dan berkebolehan dari kalangan ulamak untuk memikul tanggungjawab ini.

Selain peranan institusi fatwa itu sebagaimana yang telah disebutkan, maka fatwa itu sendiri mempunyai martabat yang tinggi. Oleh sebab itu, terdapat banyak peringatan dari *al-Qur'an*, *al-Sunnah* serta ulamak, sahabat, *tabi'īn* dan – lain-lain agar fatwa itu mesti dilakukan dengan penuh hati-hati tanpa ada sikap mengambil mudah terhadapnya, sama ada dari segi mengeluarkan fatwa, maupun dalam soal memilih serta melantik mufti.

Yang paling utama sekali bagi memastikan sesebuah institusi fatwa itu dapat berperanan dengan berkesan ialah sikap positif pihak kerajaan dan juga masyarakat terhadap setiap keputusan yang dikeluarkan oleh institusi ini dan dalam masa yang sama memastikan fatwa itu dilaksanakan

⁹⁵ Al-Āmidī (t.t), *Muntahā al-Sūl fī 'Ilm al-Uṣūl*, Kaherah: Maktabah Wa Maṭba'ah Muḥammad 'Alī Sābiḥ Wa Awlāduh, hlm. 54-55.